



PENILAIAN AWAL TERHADAP MODEL AUDIT KESELAMATAN MASJID DI KULIM, KEDAH MALAYSIA: SATU TINJAUAN

(Preliminary Evaluation of the Mosques Safety Audit Model in Kulim, Kedah Malaysia: A Review)

‘Imaaduddin Abdul Halim^{1*}, Ahmad Termizi Ab Lateh¹, Adlan Saidin¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author: imaaduddin@uitm.edu.my*

Received: 31 March 2020 • Accepted: 6 April 2020 • Published: 30 April 2020

Abstract

Mosque institution is a stop center for Muslims in addition to worshipping. An extensive function of mosque requires a single method to identify risks and problems as it can focus on protection and prevention as well as elimination of risks and dangers towards mosque congregations. Thus, this article aims to do a preliminary literature review in research of safety audit implementation in determining whether audit criteria are fulfilled. This research applies literature review method and field research in order to gain the data. The outcome of the review finds mosques in Kulim has yet to apply detailed guidelines regarding mosque safety audit. This guideline aims to assist for an effective and well-planned management of audit implementation as well as objective evaluation to determine how far the criteria are fulfilled. It is also part of evaluation that contributes towards protection, prevention and elimination of dangers and risks related to mosques congregation.

Keywords: *Preliminary Review, Mosque, Literature Review, Safety Audit*

Abstrak

Institusi masjid adalah merupakan pusat sehati bagi masyarakat Islam dan ianya bukan semata-mata tempat ibadah. Fungsi masjid yang luas sewajarnya memerlukan satu kaedah untuk mengenalpasti masalah dan risiko supaya ia dapat member tumpuan yang boleh menyumbang kepada perlindungan dan pencegahan serta penghapusan daripada bahaya dan risiko terhadap jemaah masjid. Oleh itu, artikel ini bertujuan melakukan tinjauan awal kajian literatur pelaksanaan audit keselamatan dalam menentukan kriteria audit dipenuhi. Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan dalam mendapatkan data.

Hasil tinjauan mendapati bahawa masjid-masjid di daerah Kulim belum lagi mempunyai garis panduan yang terperinci berkenaan dengan audit keselamatan masjid. Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan Audit agar dapat dikendalikan secara terancang dan berkesan serta menilai secara objektif untuk menentukan sejauh mana kriteria audit dipenuhi. Ia juga merupakan sebahagian daripada penilaian yang menyumbang kepada perlindungan, pencegahan dan penghapusan daripada bahaya dan risiko yang berkaitan ahli jemaah masjid.

Kata Kunci: Tinjauan Awal, Masjid, Kajian Literatur, Audit Keselamatan

Cite as: Halim, 'I.A., Lateh, A.T.A, Saidin, A. (2020). Preliminary Evaluation of the Mosques Safety Audit Model in Kulim, Kedah Malaysia: A Review. *Asian People Journal*, 3(1), 162-169.

PENGENALAN

Masjid merupakan institusi keagamaan yang digunakan hampir setiap masa oleh umat Islam dan merupakan lambang syiar Islam. Kesedaran masyarakat dewasa ini dalam mengimarahkan masjid berada pada tahap yang baik. Tidak dinafikan masjid juga telah memainkan peranan yang amat besar dalam konteks membina dan memacu pembangunan umat Islam dalam pelbagai aspek khususnya dari segi sosial dan ekonomi. Pengimarahkan ini menyebabkan perlunya peranan dan sistem keselamatan masjid perlu dipertingkatkan selari dengan pertambahan jemaah dari semasa ke semasa. Oleh itu, dasar keselamatan dan kesihatan perlu dilaksanakan di dalam persekitaran masjid bagi memastikan setiap jemaah memahami dan mematuhi dasar tersebut. Hal ini kerana dasar keselamatan dan kesihatan ini sesuatu yang amat relevan dengan keperluan dan tuntutan semasa. Realiti itulah yang perlu digarap oleh semua pihak terutamanya pihak pengurusan institusi masjid yang sememangnya diamanahkan dengan tugas ke arah memakmurkan masjid melalui perancangan dasar keselamatan dan kesihatan yang berkualiti dan sistematik. Di Malaysia, aktiviti masjid yang dijalankan adalah sebahagian daripada strategi pengimarahkan masjid dengan tujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan institusi tersebut ('Ali Muhammad Mukhtar, 2003). Lebih daripada itu, masjid dianggap sebagai tempat rasmi dalam menyampaikan mesej Islam kerana masjid merupakan tempat yang strategik untuk melaksanakan aktiviti dakwah.

Oleh itu, secara tidak langsung, institusi ini menjadi pusat tumpuan untuk masyarakat berkumpul. Peranan masjid sebagai satu institusi dakwah tidak dapat dinafikan dari segi sumbangan dan kepentingannya. Namun, dari segi pengurusan keselamatan pihak masjid masih lagi boleh diperkemaskan selain dari peranan dan fungsi masjid sebagai tempat beribadat. Dalam memastikan suasana yang selamat dan mesra jemaah, masjid harus mempunyai garis panduan yang khusus berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini. Bukan sahaja melibatkan garis panduan yang merangkumi komponen persekitaran bilik air dan tempat wuduk tetapi juga melibatkan komponen-komponen persekitaran yang lain sekitar masjid. Walau bagaimanapun, sebarang peranan yang dimainkan oleh institusi masjid sama ada kecil atau besar perlu disokong oleh elemen lain bagi memastikan keberkesannya. Elemen-elemen tersebut adalah seperti keperluan sumber tenaga manusia, bantuan kewangan, kecekapan pengurusan, pentadbiran terhadap kegiatan masjid dan yang paling penting adalah kesedaran serta tanggungjawab masyarakat Islam dalam memastikan setiap perkara dilaksanakan berjalan dengan lancar (Mohd Ismail et al., 2008).

Pernyataan Masalah

Jika ditinjau kajian-kajian yang dilakukan berkenaan dengan institusi masjid, perbincangan dan kajian banyak berkisar hal-hal berkaitan pengurusan kewangan, pentadbiran dan penarafan bintang masjid. Namun tidak ditemui perbincangan berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan jemaah secara langsung. Jika dilihat kebelakangan ini, terdapat insiden-insiden yang berlaku terhadap jemaah dalam masjid. Antaranya, insiden yang membabitkan kecederaan seorang anggota polis kerana terlibat dengan kes amuk di masjid. Dalam kejadian itu, mangsa telah dilibas menggunakan parang sehingga menyebabkan lengan kanannya cedera (Mohamad Azim Fitri, 2019).

Selain itu, kematian seorang khatib ketika khutbah di Masjid al-Bukhary. Dalam kejadian itu, mangsa rebah dan tidak sedarkan diri ketika membaca khutbah (Noorazura, 2019). Seterusnya, kematian bilal kerana serangan jantung ketika berada di depan pintu masjid. Mangsa dilihat rebah dan tidak bergerak di depan masjid sebelum dibantu tiga individu yang berada di kawasan itu (Mohd Sabran, 2018). Justeru itu, perlunya ada satu langkah atau manual keselamatan diwujudkan sekiranya berlaku kejadian seperti ini.

Selain itu, kejadian kebakaran mimbar dan permaidani masjid yang berlaku di Padang Terap juga perlu di pandang serius kerana melibatkan aspek keselamatan. Begitu juga kejadian struktur bumbung masjid runtuh di Masjid Kampung Mengabang Tengah, Kuala Terengganu (Hanneeyzah, 2020). Kejadian-kejadian seperti ini memerlukan pihak pengurusan masjid mengambil langkah yang tepat untuk mengelakkan daripada berlakunya kecederaan kepada para jemaah. Terkini, penularan wabak virus coronavirus yang melibatkan ramai jemaah masjid. Ini memerlukan pihak pengurusan masjid mempunyai panduan asas keselamatan ketika hendak melakukan solat jemaah atau mengadakan majlis-majlis keagamaan di masjid (Rohaniza Idris, 2020).

Walaupun kejadian-kejadian ini adalah kes-kes terpencil, namun sesebuah masjid haruslah bersedia untuk mengambil langkah awal dalam menghadapi situasi sebegini sekiranya ia berlaku. Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan oleh penyelidik, masjid-masjid di negeri Kedah hanya tertumpu kepada garis panduan berkenaan penarafan bilik air dan tempat wuduk sahaja. Berdasarkan ini, penyelidik berhasrat untuk melakukan satu kajian bertujuan untuk membangunkan satu sistem manual keselamatan dan kesihatan bagi menentukan aktiviti atau aspek keselamatan dan kesihatan insitituti masjid.

Tambahan pula, masih belum wujud manual atau model audit keselamatan yang lebih bersistematik sebagai satu keperluan dan rujukan untuk pentadbiran dan pengurusan masjid melaksanakannya. Justeru, sebagai satu usaha untuk merungkai permasalahan tersebut dalam audit keselamatan dan kesihatan masjid, maka kajian ini dicadangkan bagi membangunkan satu model audit keselamatan dan kesihatan yang boleh diguna pakai oleh pihak masjid.

Implikasi kajian ini bertujuan menghasilkan model yang komprehensif dan praktikal untuk memberi impak positif terhadap pihak-pihak terlibat dalam audit keselamatan serta memberikan pendedahan lebih luas kepada aspek keselamatan kepada pentadbiran masjid. Ini secara tidak langsung mampu menaikkan imej sesebuah masjid itu bukan sahaja sebagai tempat ibadah malah lebih daripada itu. Ini selaras dengan dasar JAKIM yang mahu mengaplikasikan konsep rahmatan lil-alamin. Ia meliputi aspek tadbir urus, alam sekitar, perundangan Syariah, muamalat kewangan semasa, pengurusan orang kurang upaya (OKU), masyarakat majmuk, sosio ekonomi, insitituti kekeluargaan dan juga pengurusan insitituti masjid (Aziz Mohamad, 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Metod Pengumpulan Data

Secara ringkas metod kajian ini melalui dua proses utama iaitu proses pengumpulan data dan menganalisis data. Metod pengumpulan data ini merujuk kepada kajian bersifat kualitatif yang berteraskan kajian kepustakaan dan disokong dengan kajian lapangan. Kajian kepustakaan ini, penyelidik banyak bergantung kepada sumber buku, tesis sarjana, artikel dan bahan-bahan bertulis yang bersesuaian terutamanya dokumen-dokumen kajian-kajian lepas yang berkenaan dengan institusi masjid di Malaysia dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2014 sehingga tahun 2019. Kajian lapangan pula telah mengguna pakai teknik temu bual. Pemilihan teknik ini berdasarkan dua faktor iaitu pertamanya mendapatkan pengesahan data berkenaan audit keselamatan di masjid-masjid sekitar Kulim dan keduanya adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat baru yang tidak diperolehi menerusi sumber bertulis. Bagi tujuan tersebut, penyelidik telah menemu bual pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau) Jabatan Agama Hal Ehwal Islam Kedah (JAHEIK). Temu bual ini merupakan langkah awal kepada kajian seterusnya.

Metod Analisis Data

Pada peringkat ini, penyelidik menggunakan metod induktif dan deduktif. Metod induktif ini bertujuan mencari satu kesimpulan umum bagi sesuatu permasalahan yang berlaku melalui pengkajian data-data yang bersifat khusus (Ghazī Husayn Ināyah, 1990). Menerusi metod induktif, satu kesimpulan boleh dibuat bahawa jika faktor yang sama berlaku, maka implikasi yang sama akan terhasil. Kesimpulan-kesimpulan yang diperolehi membantu penyelidik membina model yang sesuai bagi menangani masalah yang dihadapi. Metod deduktif pula penyelidik boleh menyimpulkan bahawa masalah-masalah pada masa kini boleh berulang pada masa yang akan datang dan keadaan mungkin menjadi bertambah buruk jika masalah ini tidak ditangani dengan cara yang berkesan. Menerusi metod ini, penyelidik boleh membuktikan bahawa keperluan membina model bagi menangani permasalahan yang berlaku adalah signifikan dan sangat diperlukan.

HASIL KAJIAN

Analisis Sorotan Karya

Berdasarkan pengamatan penyelidik setakat ini, terdapat beberapa kajian yang ditemui antara tahun 2014 sehingga 2019 boleh dijadikan sebagai rujukan dan membantu penyelidik untuk meneruskan kajian. Kebanyakan kajian atau karya ditemui lebih memfokuskan aspek pengurusan kewangan.

Kajian Muhamad Faisal dan Firdaus Mokhtar (2018) tertumpu kepada pandangan imam dan pentadbir tentang kehadiran masyarakat ke masjid. Kajian ini menyimpulkan bahawa fenomena kehadiran sedikit jemaah ke masjid berlaku di bandar dan luar bandar. Antaranya berpunca daripada beberapa faktor termasuklah fungsi masjid yang terhad, kurangnya komitmen daripada individu itu sendiri, kemudahan asas dan lokasi masjid, pengurusan pentadbiran tidak cekap, peribadi imam dan pegawai masjid dan pengurusan kewangan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mariam dan Pontoni Goleng (2016) telah memfokuskan kepada peranan masjid untuk diperluaskan dalam menjalankan aktiviti sosial seperti dakwah kepada masyarakat multi etnik. Objektif kajian ini untuk mengemukakan peranan masjid dalam mengaplikasi pendekatan dakwah yang lebih signifikan terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. Kajian ini juga telah mengemukakan medium-medium

yang boleh dilibatkan dalam usaha memperluas bidang dakwah kepada masyarakat Malaysia. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa pendekatan dakwah dan medium dakwah yang relevan digunakan oleh institusi masjid sebagai alat dakwah kepada masyarakat multi etnik seperti *dakwah bi lisan*, *dakwah bi hal* dan *dakwah bil kitab*.

Kajian yang dilakukan oleh Hydzulkilfi et al. (2015) memfokuskan pengurusan kewangan dana masjid di Daerah Kubang Pasu, Kedah. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji kaedah pengurusan kewangan institusi masjid di daerah ini. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kajian ini mendapati bahawa institusi masjid di Kubang Pasu, Kedah memperolehi pendapatan melalui pengumpulan dana (sedekah) yang hampir 80% daripada sumber perolehan. Selain itu, purata kutipan daripada pengumpulan dana di sesebuah masjid menjangkau sehingga RM 3,781 setiap bulan. Dalam aspek pengurusan pendapatan, masjid-masjid sekitar daerah Kubang Pasu telah dibahagikan kepada dana am dan khas. Manakala aktiviti pengurusan perbelanjaan pula dipecahkan kepada 3 kategori utama iaitu *idariyah*, *ijtimaiyah* dan *tijariyyah*.

Kajian Amru Alhaz (2015) membincangkan berkenaan aspek pengurusan derma awam dan peranan dalam menjana ekonomi di Masjid Negara Kuala Lumpur dan Masjid al-Ghufran, Pinggiran Taman Tun Dr Ismail dalam tempoh 2009-2013. Perbincangan dalam kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan di antara kedua-dua masjid adalah berbeza. Sistem pengurusan masjid negara dilihat lebih terkawal, tersusun dan sistematik kerana banyak mengaplikasikan sistem pengurusan dalam talian. Manakala Masjid al-Ghufran lebih efektif dari segi perbelanjaan derma awam kerana memperuntukkan sebahagian besar kepada aktiviti penjanaan ekonomi masjid berdasarkan sebahagian besarnya sumber dananya kepada aktiviti penjanaan ekonomi masjid. Kajian ini juga mendapati bahawa penjanaan derma awam sangat berpotensi dalam menjana hasil dan pulangan tetap kepada institusi masjid apabila ia diurus dengan efektif dan berkesan. Boleh disimpulkan bahawa kajian ini lebih tertumpu kepada pengurusan derma awam dalam menjana ekonomi masjid.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Firdaus dan Haliyana (2017) membincangkan perbandingan pengurusan kualiti masjid terhadap masjid yang diberi pengiktirafan bintang. Kajian ini memfokuskan perbincangan mengenai perbandingan aspek pengurusan, pengimarah, kemudahan prasarana dan persekitaran di masjid-masjid terpilih di negeri Selangor yang diberi pengiktirafan bintang oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan masjid akan menjadi lebih sistematik sekiranya pihak pengurus masjid atau nazir yang dilantik terdiri daripada golongan korporat atau profesional. Kajian ini juga merumuskan bahawa komitmen yang tinggi daripada nazir dan ahli jawatankuasa serta pematuhan kod dan etika yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem pengurusan yang baik selain daripada keberadaan golongan korporat atau profesional. Hasil kajian akan dijadikan sebagai modul atau rujukan oleh masjid-masjid yang lain demi untuk mencapai pembangunan komuniti Islam yang lebih sistematik. Rumusannya kajian ini lebih tertumpu kepada pengurusan kualiti masjid antaranya aspek pengurusan, pengimarah, kemudahan prasarana dan persekitaran masjid.

Kemudiannya, kajian Intan Salwani Mohamed et al. (2014) bertujuan untuk membincangkan isu-isu dalam sistem pengurusan dana masjid terutamanya mengenai akauntabiliti dan amalan kawalan dalaman. Masjid-masjid diklasifikasikan sebagai organisasi bukan keuntungan yang mengurus kewangan termasuklah daripada dana kerajaan, sumbangan korporat dan awam, mengawal aktiviti kewangan dalam mengendalikan dana yang diterima dan dibelanjakan oleh organisasi telah menjadi subjek untuk kajian ini. Berdasarkan kepada perbincangan, penyelidik telah menyarankan agar amalan kawalan dalaman oleh Masjid Jamek perlunya perekodan kepada resit

atau bukti penerimaan pendapatan sesebuah masjid.

Kajian yang dilakukan oleh Zuraidah Mohd Sanusi et al. (2015) adalah mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman, pengurusan kewangan dan amalan akauntabiliti masjid di Malaysia. Kajian ini melibatkan 500 soal selidik ditadbir kepada pengerusi dan bendahari 250 masjid terpilih yang terdapat di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa perekodan kewangan yang tepat dan tepat, meningkatkan akauntabiliti pengerusi dan bendahari untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan prestasi.

Kajian oleh Muhammad Firdaus dan Haliyana Tonot (2017) membincangkan mengenai perbandingan pengurusan profesional yang menumpukan aspek pengurusan, pengimarahannya, kemudahan prasarana dan persekitaran di masjid-masjid terpilih di Negeri Selangor yang diberi pengiktirafan bintang oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan masjid akan menjadi lebih sistematik jika pengurus masjid atau nazir terdiri daripada golongan korporat atau profesional. Di samping itu juga, pengkaji mendapati bahawa komitmen yang tinggi daripada nazir dan ahli jawatankuasa serta pematuhan kod dan etika yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem pengurusan yang baik selain daripada keberadaan golongan korporat atau profesional. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai modul atau rujukan oleh masjid-masjid yang lain demi untuk mencapai pembangunan komuniti Islam yang lebih sistematik.

Antara kajian lain ialah berkenaan dengan konsep nilai guna dalam penilaian e-masjid. Kajian yang dilakukan oleh Bushral Huda dan Muhamad Faisal (2014) ini bertujuan untuk mengkaji kehendak pengguna terhadap penilaian *e-masjid*. Kajian ini memfokuskan penilaian terhadap laman web empat buah masjid utama dalam Malaysia. Antaranya termasuklah Masjid Wilayah, Masjid Negeri Shah Alam, Masjid Negeri dan Masjid Putra, Putrajaya. Hasil tinjauan awal dalam kajian ini mendapati bahawa nilai tambah e-masjid yang merangkumi tazkirah, mutiara kata dan carian hal keagamaan menjadi faktor utama tarikan pengunjung terhadap laman web untuk sesebuah masjid.

Kajian-kajian yang dibincangkan di atas merupakan antara kajian yang ditemui oleh para pengkaji untuk mencari ruang lompang dalam meneruskan kajian berkenaan audit keselamatan masjid. Berdasarkan kajian literatur setakat ini, tidak dijumpai lagi kajian yang terarah kepada model audit keselamatan masjid.

Selain itu, dalam mendapatkan data sekunder, para pengkaji juga telah menemu bual dengan pegawai berautoriti yang terlibat secara langsung dengan pihak masjid-masjid di negeri Kedah. Masjid-masjid di negeri Kedah terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori bandar dan juga kategori luar bandar. Menurut pegawai Jabatan Agama Hal Ehwal Islam Kedah (JAHEIK) Syeikh Sa'di Saad menyatakan bahawa setakat ini JAHEIK belum lagi mewujudkan garis panduan secara terperinci mengenai audit keselamatan disebabkan kekangan-kekangan daripada pihak masjid. Namun begitu, pihak JAHEIK telah menyediakan 'Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk Masjid Negeri Kedah Darul Aman' (Sa'di bin Saad, 2020).

Justeru itu, berdasarkan tinjauan awal sorotan karya dan temu bual yang telah dilakukan, pengkaji akan memenuhi lompang ini dengan melaksanakan kajian berkenaan model audit keselamatan dan kesihatan di masjid. Kajian rintis ini akan melibatkan masjid-masjid di sekitar daerah Kulim, Kedah Darul Aman.

KESIMPULAN

Masjid merupakan sebuah institusi bukan berasaskan keuntungan yang menjadi tumpuan masyarakat muslim khususnya di Malaysia. Maka, wajar untuk institusi ini mengambil kira aspek keselamatan sebagai keutamaan untuk menawarkan suasana yang selamat dan harmoni. Walaupun majoriti ahli masyarakat lebih mengutamakan aspek pengurusan kewangan yang lebih sistematik dan komprehensif, tetapi sumber kewangan yang diterima sama ada daripada sedekah, waqaf dan sebagainya boleh diagihkan sedikit di bahagian keselamatan agar masyarakat lebih selesa untuk melaksanakan amal ibadah.

Di samping itu juga, tempat wuduk, ruang solat dan tandas perlulah lebih mesra terhadap orang kurang upaya (OKU) agar golongan ini tidak merasa sukar untuk datang beribadat di masjid. Akhir sekali, secara tidak langsung menunjukkan bahawa masjid ini bukan berfungsi sebagai pusat ibadat semata-mata akan tetapi lebih daripada itu.

RUJUKAN

- Ad, N. F. C. (2019). *Sempat laungkan azan sebelum meninggal*. (2019, September 20). Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/09/608923>
- Adnan, A.A. (2015). *Pengurusan derma awam dalam menjana ekonomi masjid: perbandingan Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan imam dan pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid. *Jurnal Hadhari*. 10(2), 205-223.
- Aziz, M. A. F. A. (2019). *Polis cedera dilibas lelaki tak siuman*. (2019, Disember 27). Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/12/529686>.
- Baharin, H. B. (2019). *4 jemaah terselamat bumbung masjid dalam pembinaan runtuh*. (2019, Mei 8). Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/05/561492>.
- Firdaus, M., & Tonot, H. (2017). Perbandingan pengurusan kualiti masjid terhadap masjid yang diberi pengiktirafan bintang. *Jurnal Inovasi Perniagaan*. 2(1). 25-41.
- Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk Masjid Negeri Kedah*. (t.t). Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.
- Ghazī Husayn Ināyah (1990). *Manāhij al Baḥth al 'Ilm fī al Islām*. (t.t.t). Dar al-Jil.
- Huda, B., & Faisal, M. (2014). Konsep nilai guna dalam penilaian e-masjid: tinjauan awal. *Jurnal Islamiyyat*, 36(2), 15-26.
- Majid, M. A., & Guleng, M. P. (2016). Masjid dan aplikasi pendekatan dakwah terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari*. 8(1), 1- 48.
- Malik, M. A. (2020). *Mulianya 'pemergianmu'*. (2020, Januari 4). Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/531917>.
- Mohamad, A. (2019). *Konsep rahmah dalam pengurusan masjid*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohamed, I. S., Aziz, N. H. A., Masrek, M. N., & Daud, M. N. (2014). Mosque fund management: issues on accountability and internal controls. *Prosiding International Conference on Governance and Strategic Management*, (April), 14-16.
- Omar, H.H, Isa, M.Y., & Yusuff, N. (2015). Pengurusan kewangan dana masjid: satu kajian di Daerah Kubang

- Pasu. *International Journal of Management Studies*, 22(2), 115–134.
- Rahman, N. A. (2019). *Khatib meninggal dunia ketika baca khutbah*. (2019, Jun 7). Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/06/572065>.
- Sani, M. S. M. (2018). *Meninggal dunia ketika buka pintu masjid*. (2018, Julai 7). Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/07/446294/meninggal-dunia-ketika-buka-pintu-masjid>.
- Sanusi, Z. M., Johari, R. J., Said, J., & Iskandar, T. (2015). The effects of internal control system, financial management and accountability of Npos: the perspective of mosques in Malaysia. *Prosiding 7th International Conference On Financial Criminology*, (April), 156-162.
- Wahab, N. A. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2016). Pemerkasaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219-229.
- Zulkiffli, Z. (2019). *Mimbar Masjid Padang Setol pula dibakar*. (2019, Ogos 19). Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/08/597749>.